

# **KETIDAKPATUHAN MAKSIM PERBUALAN DAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM “SOAL RAKYAT”**

**Indirawati ZAHID**

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
indirawati@um.edu.my

*Manuscript received 27 February 2020*

*Manuscript accepted 11 August 2020*

*\*Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.2116.2020>

## **Abstrak**

Keberkesanan komunikasi sering kali dikaitkan dengan pematuhan maksim perbualan (MP) yang diusulkan oleh Grice (1975). Terdapat empat MP yang diusulkan, iaitu Kuantiti (MPKTT), Kualiti (MPKLT), Hubungan (MPHUB) dan Cara (MPCR). Ketidakpatuhan MP dianggap sebagai ketidakberkesanan komunikasi. Walau bagaimanapun, kajian telah membuktikan bahawa ketidakpatuhan MP tidak bererti komunikasi yang berlangsung tidak berkesan. Analisis yang dilakukan ini menggunakan temu bual berkisar politik, iaitu *Soal Rakyat* (SR) sebagai korpus. SR disiarkan di televisyen. Analisis yang dilakukan mempunyai dua objektif, iaitu pertamanya, mengklasifikasi ketidakpatuhan MP dan kedua, membincangkan tujuan serta faktor berlakunya ketidakpatuhan MP dan keberkesanan komunikasi dari perspektif Melayu. Analisis yang dilakukan mengaplikasi kaedah penyelidikan kualitatif, antaranya muat turun, transkripsi dan analisis teks. Dapatan analisis memperlihatkan berlakunya ketidakpatuhan keempat-empat MP dalam SR dengan MPKTT dan MPCR memperlihatkan kecenderungan yang tinggi. Ketidakpatuhan MP tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi berdasarkan lima faktor, iaitu latar belakang khalayak, isu semasa, budaya, konteks komunikasi dan wibawa interlokutor. Ketidakpatuhan MP dilakukan bertujuan memberikan penjelasan, membuat penegasan, melahirkan rasa tidak puas hati/marah tentang sesuatu isu dan berkata benar/jujur. Rumusannya, dapatan ini telah menyangkal MP Grice yang dikatakan bersifat universal dan sekali gus menolak pendapat Grundy (2008).

**Kata Kunci:** Pematuhan maksim; ketidakpatuhan maksim; komunikasi berkesan; interlokutor; politik

## **ABSTRACT**

### ***The Non-Observance of Conversational Maxims and Effective Communication in "Soal Rakyat"***

*The effectiveness of communication is often linked to the observance of conversational maxims (MP) proposed by Grice (1975). There are four MPs proposed, namely Quantity (MPKTT), Quality (MPKLT), Relation (MPHUB) and Manners (MPCR). The non-observance of MP is considered as an ineffective communication. However, studies have shown that the non-observance of MPs does not mean that ongoing communications were ineffective. This analysis used an interview regarding politics - Soal Rakyat (SR) as a corpus, which was broadcasted on television. The analysis has two objectives: first, to classify the non-observance of MPs; and second, to discuss the purpose and factors of non-observance MPs and the effectiveness of the communication based on Malay perspective. Qualitative research methods were applied in the analysis including download, transcriptions and text analysis. The results show that the non-observance of all MPs occurred in SR with the MPKTT and MPCR dominating. There are five factors that influenced the non-observance of MPs, which are audience background, current issues, culture, communication's context and the interlocutor's credibility. The purpose of non-observance of MPs is to explain, to emphasise, to express anger/dissatisfaction, and to express honesty. In conclusion, the non-observance of MPs was found not to affect the effectiveness of communication and has refuted that MP Grice is universal and simultaneously rejects Grundy's (2008) opinion.*

**Keywords:** *Observance of maxims; non-observance of maxims; effective communication; interlocutor; politics*

## **Pendahuluan**

Komunikasi melibatkan dua pihak yang dirujuk sebagai penyampai dan penerima. Penyampai dan penerima dirujuk sebagai interlokutor (Brown & Miller, 2013), iaitu individu yang terlibat dalam sesuatu proses interaksi. Kedua-dua pihak ini berperanan penting dalam memastikan kejayaan sesebuah komunikasi. Kejayaan dalam komunikasi lisan khususnya, diukur daripada pelbagai aspek yang mengiringi lisan yang berlangsung misalnya bahasa dan bukan bahasa, iaitu ayat, pemilihan kata, cara penyampaian termasuk intonasi, kinesik, ton suara, visual dan sebagainya. Sementara dalam komunikasi bertulis, kejayaan komunikasi ini ditentukan oleh kesempurnaan, kejelasan dan sifat betul penulisannya. Merujuk khusus kepada komunikasi lisan, menurut Prabavathi dan Nagasubramani (2018) kejelasan, keringkasan dan ketepatan merupakan ciri mandatori dalam komunikasi lisan. Interlokutor perlu mengelakkan ayat yang kompleks dan jargon bagi memastikan mesej disampaikan dengan betul. Hal yang sama dinyatakan oleh West dan Turner (2010) yang merujuk situasi ini sebagai gangguan semantik. Sementara dari aspek linguistik, komunikasi berkesan dibincangkan oleh Grice (1975) berhubung Prinsip Kerjasama (PK) dalam perbualan yang antara lain menyatakan pematuhan maksim

*Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam "Soal Rakyat"*

perbualan (MP) akan memastikan berlangsungnya komunikasi berkesan. Menurut Okanda, Asada, Moriguchi, dan Itakura (2015), pernyataan Grice ini berasaskan pertimbangan rasional dalam berkomunikasi secara berkesan dan efisien. Hal yang sama dinyatakan oleh Grundy (2008), iaitu interlocutor mengaplikasikan maksim Grice bagi mencapai komunikasi berkesan dan mengelakkan salah faham. Walau bagaimanapun mematuhi maksim tidak merupakan syarat mutlak keberkesanan komunikasi yang berlangsung. Ini kerana kejayaan komunikasi berkaitan dengan tiga faktor, iaitu budaya, latar belakang penutur dan konteks komunikasi tersebut (Davies, 2007; Kheirabadi & Ahhagaolzadeh, 2012; Lumsden, 2008; Msuya & Massanga, 2017; Simons, 2017) dan MP Grice tidak bersifat universal (Fadhly, 2012). Ini selari dengan pernyataan Yaqin dan Shanmuganathan (2018) bahawa apabila individu terlibat dalam sesuatu perbualan, mereka akan berkongsi prinsip umum yang memungkinkan mereka mentafsir sesuatu tuturan.

Mematuhi maksim ada kalanya tidak berlaku dalam realiti komunikasi (Al-Saedi, 2013; Darighoftar & Ghaffari, 2012; Nieto Álvaro, 2011; Zahid, 2018). Ini berlaku baik secara sedar mahupun tidak. Penyampai mungkin telah merancang komunikasi yang akan berlangsung dengan baik tetapi penerima belum tentu dapat memahami mesej yang ingin disampaikan sebagaimana yang dinyatakan oleh West dan Turner (2010) tentang empat jenis gangguan semasa komunikasi yang berpunca daripada diri penerima. Ini menjadikan komunikasi berisiko kejayaannya kerana mesej yang dihantar tersebut belum tentu diterima sebagaimana yang dihasratkan oleh penyampai (Prabavathi & Nagasubramani, 2018). Sehubungan itu berlakunya ketidakpatuhan maksim Grice semasa berkomunikasi yang disebabkan oleh faktor-faktor yang akan dibincangkan dalam analisis ini.

Dalam kasus temu bual, iaitu rancangan yang disiarkan di televisyen, Zahid (2018) menyatakan aspek keberkesanan komunikasi dititikberatkan baik oleh moderator mahupun oleh tetamu undangan kerana rancangan seperti ini mempunyai khalayak sasaran tertentu dan mempunyai mesej yang ingin disampaikan. Hal yang sama dalam *Soal Rakyat* (SR). Sehubungan itu, keberkesanan komunikasi akan dianalisis melalui ketidakpatuhan maksim yang dilakukan oleh interlocutor. Lanjutan itu, analisis ini akan membincangkan ketidakpatuhan maksim dalam SR episod lapan, iaitu rancangan soal jawab berkisar tentang politik negara sebelum, semasa dan selepas pilihanraya umum keempat belas (PRU14).

### **Objektif Kajian**

Analisis yang dilakukan ini mempunyai dua objektif:

1. Mengklasifikasikan pelanggaran maksim perbualan interlocutor.
2. Membincangkan tujuan serta faktor pelanggaran maksim perbualan dan keberkesanan komunikasi yang berlaku dari perspektif Melayu.

Kajian ini tidak akan menyentuh aspek nonverbal ujaran, kinesik interlocutor, campur kod yang digunakan dan kesalahan tatabahasa yang berlaku dalam data.

### **Sorotan Kajian**

Ketidakpatuhan MP dikaitkan dengan kegagalan interlocutor mematuhi MP Grice (1975) dalam pelbagai situasi komunikasi antaranya dalam sesi temu duga, filem, novel, temu bual, perbualan seharian dan sebagainya. Ketidakpatuhan ini dikatakan berpunca daripada pelbagai faktor yang akan mempengaruhi sama ada penyampai mahupun penerima. Dengan menyempitkan sorotan kepada skop kajian yang sama dan hampir sama, perbincangan berfokus kepada kajian ketidakpatuhan MP dalam temu bual dalam kalangan ahli politik dan pihak pemerintah berkaitan isu negara sepanjang tempoh tahun 2011 sehingga tahun 2019. Kajian oleh Putri (2011) berhubung pelanggaran MP oleh Barack Obama mendapati semasa temu bual, Obama didapati telah melanggar kesemua MP dengan memberikan pernyataan umum dan tidak secara langsung, iaitu pelanggaran MP cara (MPCR) dan kuantiti (MPKTT) semasa temu bual. Pelanggaran kedua-dua MP ini didapati dominan berlaku dan bertujuan berhati-hati semasa membuat pernyataan dan menunjukkan kuasa Amerika Syarikat terhadap negara tertentu. Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudoyono (SBY) pula didapati tidak mematuhi MP dalam tiga korpus teks temu duga (Fadhly, 2012). Fadhly mendapati SBY telah melanggar keempat-empat MP dengan lapan tujuan, iaitu penjagaan muka, perlindungan diri, kesedaran, kesantunan, mendapatkan perhatian, kawalan maklumat, penghuraian dan kejahilan. Kajian ini juga mendapati MP tidak bersifat universal. Sementara itu, dapatan yang sama diperoleh oleh Bilal dan Naeem (2013) yang menganalisis dialog Presiden Pakistan semasa sidang media. Presiden Pakistan pula didapati melakukan ketidakpatuhan MP atas tujuan mencuci minda khalayak dalam cubaan untuk mendapatkan sokongan dan mengalih tumpuan daripada agenda politik yang sebenarnya. Begitu juga dengan dapatan kajian Seftika (2015) yang menganalisis temu bual Barack Obama dengan ABC News dalam rancangan *Good Morning America* menunjukkan terdapat lapan belas pelanggaran maksim berlaku yang mencakupi MPKTT, hubungan (MPHUB) dan MPCR. Pelanggaran MPKTT dan MPCR didapati kerap berlaku bertujuan mengelakkan pemberian pandangan yang tepat.

Ketidakpatuhan MP yang dilakukan oleh ahli politik Tanzania sebaliknya didapati berpunca daripada bentuk soalan pelbagai dan soalan yang tidak patuh pada MP (Msuya & Massanga, 2017). Antara bentuk soalan yang tidak mematuhi MP termasuklah yang bersifat pelanggaran, pilihan keluar dan pertembungan maksim. Ketidakpatuhan MP didapati bertujuan menjaga kredibiliti sosial dan politik, mewujudkan kesantunan, mengelakkan ancaman muka dan membina imej positif. Kajian Msuya dan Massanga juga mendapati ketidakpatuhan MP tidak menjejaskan komunikasi berkesan. Sementara itu Presiden Syria, Bashar Al-Assad didapati melanggar keempat-empat MP atas tujuan cuba mendapatkan sokongan daripada khalayak dengan implikatur jawapan yang berpihak kepada dirinya dan usaha mendapatkan sokongan secara berterusan daripada rakyat Syria (Ayaserh & Razali, 2018). Situasi yang sama ditemui dalam kajian yang dilakukan oleh Majeed dan Abdulla (2018) berhubung temu bual pertukaran maklumat dalam taklimat jabatan akhbar Amerika Syarikat tentang situasi di Iraq. Dapatan memperlihatkan berlakunya pelanggaran tiga MP, iaitu MPKTT, MPHUB dan MPCR selain berlakunya pencabulan MPKTT dan pilihan keluar. Ketidakpatuhan ini berlaku bertujuan

menjaga kedudukan Amerika Syarikat dan rakyatnya daripada risiko dan bahaya di samping menjaga dan melindungi kepentingan Amerika Syarikat. Sementara itu, masih berkisar kajian berkaitan Amerika Syarikat, Buddharat, Ambele, dan Boonsuk (2017) menganalisis debat presiden Amerika Syarikat, iaitu antara Donald Trump dan Hillary Clinton yang telah memperlihatkan berlakunya ketidakpatuhan MP, iaitu pelanggaran, pertembungan dan pencabulan MP. Didapati ketidakpatuhan ini berlaku atas beberapa faktor, iaitu bertujuan menyampaikan pemikiran mereka supaya undian akan berpihak kepada mereka, perancangan awal tentang apa yang akan diperkatakan, melindungi diri daripada memberikan justifikasi tentang sesuatu isu dan penentuan berhubung pencalonan untuk mendapatkan kuasa. Hal yang sama dilakukan oleh Presiden Libya, Muammar Gaddafi dalam temu bualnya (Ayasreh, Nada, Awwad, Mansoor, & Razali, 2019). Ketidakpatuhan yang berlaku ialah pelanggaran dan pencabulan MP. Sama seperti dapatan kajian yang lain, ketidakpatuhan ini berlaku secara umumnya bertujuan mendapatkan sokongan rakyat dan mendapatkan kuasa.

Sorotan kajian ini memperlihatkan bahawa ketidakpatuhan MP berlaku dengan tujuan yang tertentu dan kebanyakan dapatan memperlihatkan ketidakpatuhan MPKTT dan MPCR yang dominan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ketidakpatuhan MPKTT dan MPCR berkorelasi dengan tujuan ketidakpatuhan tersebut berlaku, iaitu dalam skop politik yang berkaitan kuasa dan sokongan yang diperlukan bagi mendekati khalayak ramai dalam lingkungan yang lebih besar dan menyeluruh kerana disiarkan di televisyen. Ketidakpatuhan MP tidak menjejaskan komunikasi berkesan yang berlangsung kerana makna ujaran dapat diperoleh daripada implikatur dan konteks ujaran. Sehubungan itu kajian ini akan membuktikan bahawa ketidakpatuhan yang berlaku merupakan satu keperluan dalam temu bual politik serta dilakukan atas tujuan yang tertentu dan sama sekali tidak menjejaskan komunikasi berkesan.

Kajian yang dilakukan sebelum ini telah memperlihatkan bahawa MP Grice tidak bersifat universal (Fadhly, 2012) malah pematuhannya tidak merupakan syarat mutlak keberkesanan komunikasi (Davies, 2007; Kheirabadi & Ahhagaolzadeh, 2012; Lumsden, 2008; Msuya & Massanga, 2017; Simons, 2017). Ketidakpatuhan MP dalam temu bual politik dilakukan atas tujuan yang tertentu tambahan pula rancangan tersebut disiarkan di televisyen yang menyediakan ruang penyebaran maklumat dan liputan yang luas. Situasi ini mendedahkan individu yang ditemu bual melakukan ketidakpatuhan MP dalam menyampaikan misi dan visi mereka. Lanjutan itu, kesemua kajian daripada pelbagai korpus menemui dapatan ketidakpatuhan MP yang hampir sama dengan pelbagai punca ia berlaku, iaitu masing-masingnya berkaitan faktor budaya, latar belakang penutur dan konteks komunikasi. Sehubungan dengan MP Grice yang tidak universal, kajian ini akan menggunakan korpus Melayu yang membincangkan tujuan serta faktor ketidakpatuhan MP dan keberkesanan komunikasi. Situasi ini diperkukuh dengan kajian terdekat Melayu/Indonesia yang hanya terdapat satu, iaitu data temu bual SBY, Presiden Indonesia pada tahun 2012. Lanjutan itu, kajian ini akan melakukan analisis ketidakpatuhan MP dari perspektif Melayu. Perspektif Melayu di sini bermaksud aplikasi adat dan budaya Melayu selain aspek akidah dalam agama Islam semasa menyampaikan maklumat.

## **Metodologi**

Analisis mengaplikasi kaedah kualitatif yang mencakupi muat turun, ulang dengar, transkripsi dan analisis teks.. Muat turun dilakukan pada video rakaman yang telah dimuat naik oleh pihak TV3 diikuti dengan proses ulang dengar untuk tujuan transkripsi. Analisis teks melibatkan proses klasifikasi dan pelabelan data ujaran yang dikenal pasti melanggar MP. Analisis berfokus kepada ujaran yang dikemukakan oleh tetamu undangan (TU) dalam rancangan.

Kajian ini menggunakan data temu bual dalam rancangan *Soal Rakyat* (SR) episod lapan yang telah dimuat naik oleh TV3MALAYSIA Official pada 5 September 2018 di URL <https://www.youtube.com/user/TV3MALAYSIAOFFICIAL/> (Jaafar & Mohd Janor, 2018). Rancangan ini berlangsung selama 1 jam. Dua orang moderator telah mengendalikan temu bual ini, iaitu Tan Sri Johan Jaafar serta Mustapha Kamil Mohd Janor dengan tetamu jemputan Tun Daim Zainuddin, iaitu Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan (MPK). Temu bual berkisar tentang perkara yang berlaku sebelum dan selepas kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam pilihanraya Malaysia yang keempat belas (PRU14). Antara aspek yang dibincangkan ialah persediaan, strategi dan harapan sebelum dan selepas kemenangan PH dalam PRU14.

Kesemua data yang telah dikenal pasti, diklasifikasi dan diberikan label, iaitu kod. Kod diwakili dengan penggunaan singkatan MP dan nombor. Perincian kod ini bertitik tolak daripada kata kunci bagi setiap MP yang diusulkan oleh Grice, iaitu MPKTT, bersifat informatif; MP Kualiti (MPKLT), bersifat kebenaran; MPHUB, bersifat relevan dan MPCR bersifat kejelasan. Perincian kod ini merupakan submaksim daripada maksim induk yang dirujuk. Perincian kod adalah seperti berikut: kod MKTT1-MKTT3 untuk pelanggaran maksim kuantiti; MKLT1-MKLT2 untuk pelanggaran maksim kualiti; MHUB1-MHUB3 untuk pelanggaran maksim hubungan dan MCR1-MCR3 untuk pelanggaran maksim cara. Perincian ini juga mengambil kira dua perbincangan yang telah dilakukan sebelum ini, iaitu oleh Buddharat et al. (2017) dan Majeed dan Abdulla (2018) yang kemudiannya telah disesuaikan dengan analisis yang dilakukan. Perincian kod dibincangkan dalam Kerangka Teoritis.

## **Kerangka Teoritis**

Grice (1975) menyatakan bahawa terdapat cara komunikasi yang diterima sebagai perlakuan standard. Perlakuan standard ialah anggapan umum bahawa komunikasi tersebut benar dari aspek pemilikan jumlah maklumat yang tertentu, relevan dan akan dapat mengungkapkan sesuatu yang dapat difahami semasa menghasilkan dan mendengar ujaran (Davies, 2007). Perlakuan ini dirujuk sebagai kerjasama dalam komunikasi, iaitu perbualan yang rasional dan dikawal oleh Prinsip Kerjasama (PK). Menerusi PK, Grice mengemukakan empat kategori MP, iaitu: i. maksim kuantiti (informatif), ii. maksim kualiti (kebenaran), iii. maksim hubungan (relevan) dan iv. maksim cara (kejelasan). MP diringkaskan seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1  
*Maksim perbualan*

<b>Maksim Kuantiti (informatif)</b>	<b>Maksim Kualiti (kebenaran)</b>	<b>Maksim Hubungan (relevan)</b>	<b>Maksim Cara (kejelasan)</b>
a. Pastikan sumbangan anda bersifat informatif seperti yang diperlukan.	a. Jangan bercakap sesuatu yang palsu /tidak benar.	a. Pastikan berkaitan /relevan.	a. Elakkan kekaburan.
b. Jangan jadikan sumbangan anda lebih informatif daripada apa yang diperlukan.	b. Jangan bercakap sesuatu yang kurang bukti.		b. Elakkan ketaksaan. c. Ringkas (elakkan lewah). d. Pastikan teratur.

Walau bagaimanapun dalam realiti komunikasi tidak semua interlokutor mematuhi MP. Sehubungan itu berlaku kasus ketidakpatuhan MP yang berjumlah lima dan dilabelkan sebagai pelanggaran, pencabulan, penjejasan, pilihan keluar dan penggantungan yang setiap satunya boleh berlaku pada keempat-empat MP. Ketidakpatuhan MP secara ringkas adalah seperti berikut:

1. Pelanggaran MP berlaku dengan kesedaran atau pengetahuan interlokutor. Contohnya, dalam ujaran, "Pekan merupakan ibu negeri Johor" berlakunya pelanggaran MP kualiti, iaitu tidak benar dalam konteks maklumat nama ibu negeri.
2. Pencabulan maksim berlaku apabila interlokutor sememangnya berniat atau sengaja tidak mematuhi MP untuk menimbulkan salah faham atau dilakukan atas tujuan tertentu. Contohnya, pembohongan nilai harga barangan yang dibeli, iaitu harga sebenar tidak dimaklumkan dengan tujuan tidak dihukum atau dipersalahkan. Pernyataan sebegini merupakan pencabulan maksim kualiti.
3. Pilihan keluar maksim berlaku apabila interlokutor memilih keluar daripada MP dengan menggunakan frasa yang menyingkirkan atau mengurangkan kesan maksim dan memberikan isyarat kepada penerima misalnya dalam contoh ujaran "saya tidak dapat komen", pada soalan yang diajukan kepadanya.

4. Penjelasan maksim berlaku apabila interlocutor kurang pengetahuan atau kemahiran bertutur sesuatu bahasa, rasa cemas, keterujaan dan sebagainya yang menyebabkan gangguan kepada prestasi interlocutor.
5. Penggantungan maksim berlaku apabila interlocutor menjangkakan ketidakperluan pematuhan pada maksim kerana ia tidak menghasilkan implikatur. Contohnya dalam upacara pengkebumian, perkahwinan dan sebagainya, iaitu kebiasaan mengujarkan pujian kepada individu yang dirujuk dalam kedua-dua acara tersebut

Analisis berfokus hanya kepada pelanggaran MP bertitik tolak daripada lima faktor, iaitu pertamanya, sifat rancangan SR yang disiarkan secara langsung; kedua, tempoh rancangan yang terhad masanya; ketiga, rancangan ditonton ramai sehubungan itu interlocutor akan berusaha menyediakan jawapan yang terbaik; keempat, soal jawab berhubung masa depan negara bersama pengerusi MPK tidak memungkinkan ketidakpatuhan MP selain pelanggaran yang jumlahnya dominan dan kelima, interlocutor akan menjaga wibawanya sebagai individu yang dihormati dan dipercayai. Sehubungan itu, pelabelan dengan kod-kod yang tertentu digunakan berdasarkan pelanggaran MP dengan perincian seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2  
*Perincian pelanggaran maksim perbualan*

<b>Maksim Perbualan (MP)</b>		<b>Ciri Pelanggaran</b>
<b>Maksim Kuantiti (MKTT)</b>	KTT1	maklumat yang diberikan melebihi sepatutnya – lewah, mengulang perkara yang sama, tidak bersifat langsung kepada topik.
	KTT2	maklumat ringkas – maklumat yang diberikan tidak memadai.
	KTT3	maklumat tidak bersifat informatif – tidak menepati kehendak soalan.
<b>Maksim Kualiti (MKLT)</b>	KLT1	maklumat tidak benar – memperkatakan sesuatu yang tidak betul atau tidak dapat dipastikan kesahihannya.
	KLT2	maklumat yang diberikan bersifat sensitif, sarkasme, tabu dan sebagainya.
<b>Maksim Hubungan (MHUB)</b>	HUB1	maklumat keluar daripada topik perbincangan– tidak relevan.
	HUB2	Maklumat diberikan bersifat penukaran topik perbualan/perbincangan.
	HUB3	maklumat yang diberikan tidak menjawab soalan.
<b>Maksim Cara (MCR)</b>	CR1	maklumat lewah – memperbesar-besarkan sesuatu yang diperkatakan bagi tujuan menonjolkan sesuatu dengan jelas.
	CR2	maklumat taksa dan kabur – menggunakan slanga, jargon

*Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”*



---

	dan lain-lain.
CR3	maklumat tidak tersusun, iaitu tidak tertib.

---

Sehubungan itu analisis yang akan diaplikasi dalam kajian ini akan menguna pakai teori Grice (1975) berkaitan komunikasi, iaitu berfokus kepada ketidakpatuhan yang berlaku.

### Dapatan dan Perbincangan

Analisis yang dilakukan pada ujaran TU dalam SR memperlihatkan dominasi pelanggaran MKTT dan MCR yang mencakupi kesemua perincian yang dipaparkan dalam Jadual 2. Sementara itu bagi pelanggaran MKLT, yang berlaku hanya pada MKLT2 manakala MHUB, pelanggaran pada MHUB3. Kesemua dapatan ini akan dibincang dan dipaparkan dalam bentuk jadual dan disertai dengan dua contoh bagi setiap satunya, iaitu Jadual 3, Pelanggaran Maksim Kuantiti; Jadual 4, Pelanggaran Maksim Kualiti dan Jadual 5, Pelanggaran Maksim Hubungan dan Jadual 6, Pelanggaran Maksim Cara. Perbincangan analisis akan menggunakan kod seperti berikut, misalnya MPKTT1(1) yang bermaksud maksim perbualan kuantiti perincian 1 (rujuk Jadual 2) dan nombor dalam kurungan merujuk kepada urutan contoh yang dipaparkan dalam jadual yang berkaitan tentang data yang dianalisis. Jadual 3 merupakan antara dapatan pelanggaran MKTT dalam ujaran TU.

Petunjuk yang digunakan dalam Jadual 3-5 ialah Bil untuk Bilangan; TU untuk Tetamu undangan; ... untuk ellipsis, dan .. untuk jeda.

Jadual 3  
*Pelanggaran maksim kuantiti*

Bil	Interlokutor	MP	Ujaran
1	Moderator		Tun nampaknya ...ramalan ... tiga pilihanraya .... .. ramalan hampir tepat. ... yang membezakan 2018 dengan ... yang lain. Mengapa Tun ... yakin ... Barisan Nasional menghadapi masalah ... pilihanraya tahun 2018?
	TU	MKTT1	... Ramai kawan. Kawan-kawan ramai. ... saya bertemu dengan UMNO, ... DAP, ... AMANAH ... KEADILAN ... dapat banyak laporan. Kerana saya ada ramai kawan di dalam. ... UMNO sendiri saya dapat laporan. Kajian-kajian mereka .... Saya bincang dengan Perdana Menteri, ... saudara Anwar.... .. jumpa Anwar susah. ... mengatasi dengan jadi peguam balik. ... dapat laporan daripada UMNO mengatakan depa akan kalah.
2	Moderator		.... Parti komponen Pakatan Harapan terutamanya DAP, ... akhirnya sanggup meninggalkan lambang roketnya? ....

---

	TU	MKTT1	.... <i>Game changer over that</i> . Bila orang tengok DAP sanggup berkorban, itu penting ... dia pentingkan negara. .. look at DAP. <i>Prepared to sacrifice</i> . MCA sanggup dak? ... <i>this how you play</i> . DAP ... orang Melayu ... tak boleh terima ... dia sanggup berkorban. Berkorban besar sekali. ... dia sanggup berkorban. Tu yang penting.
3	Moderator		Nampaknya kita semua terpaksa buat penyesuaian la ye.
4	TU Moderator	MKTT2	Ye.. ye.. ye.. ye. Adakah keadaan itu amat berat nampaknya atau pun ...
5	TU Moderator	MKTT2	Kalau kita sebut, kita kadang-kadang <i>very sensitive</i> tapi .. very ... sedihlah. Sedih. Banyak sekali <i>horror story</i> ... adakah Tun sendiri terperanjat ...?
6	TU Moderator TU	MKTT3 MKTT3 MKTT3	Dari segi performance ... yang kita dengar semuanya tak betul. Maknanya institusi-institusi kita pun sudah ... Habis. Rosak. Habis semua rosak. I mean masa.. masa.. masa.. pilihanraya, KSU pegi kempen? Apa dah jadi?

Dapatan analisis MPKTT1(1) dalam Jadual 3 memperlihatkan unsur kelewahan pernyataan TU dengan perulangan maklumat yang sama dalam respons yang diberikan. Frasa “ramai kawan”, “kawan-kawan ramai”, “ada ramai kawan” apabila menjelaskan kelompok individu yang dirujuk dalam parti-parti yang tertentu dan menjelaskan maklumat dalam bentuk laporan yang diterima secara berulang kali dengan frasa “banyak laporan”, “dapat laporan” yang berulang dua kali dalam respons TU. Danesi (2012) berpendapat perulangan maklumat bertujuan menonjolkan sesuatu mesej dalam peristiwa bahasa sistem komunikasi yang berlangsung. Malah perkara yang sama dinyatakan oleh Sperber dan Wilson (1995) bahawa perulangan maklumat bertujuan emphatik. Ini dilakukan oleh TU dalam menegaskan keyakinannya tentang ramalan yang dilakukan selama tiga pusingan penggal PRU yang berlangsung. Oleh kerana fokus jawapan TU kepada penjelasan tentang ramalan TU yang tepat, topik soalan kedua berhubung perbezaan ramalan TU berbanding tahun-tahun sebelumnya tidak dijawab.

MKTT1(2) pula memperlihatkan perulangan frasa dengan maksud yang sama, iaitu “sanggup berkorban”, “berkorban besar sekali”, “dia sanggup berkorban”, “itu penting”, “tu yang penting” dan “dia pentingkan” dalam respons TU kepada soalan moderator. TU mempertegas tentang sikap parti DAP yang dirujuk sanggup mengeneipkan kepentingan parti dari aspek kaum yang diwakili, iaitu prinsip dan perjuangan mereka sebelum ini. TU memperkukuh pernyataannya dengan membandingkan sikap DAP dengan parti yang hampir sama keanggotaan,

*Ketidapatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”*

misi dan visinya, iaitu MCA. Perkara ini memperkukuh apa yang diperkata oleh Danesi (2012) dan Sperber dan Wilson (1995) tentang perulangan maklumat. Sehubungan itu, kelewahan maklumat ini walaupun tidak mematuhi MP, ia didapati tidak menjejaskan intipati komunikasi kerana maklumat yang terperinci ini menguntungkan khalayak (Fadhly, 2012; Zahid, 2018).

MKTT2 (3) dan (4) memperlihatkan pernyataan yang diberikan oleh TU ringkas, iaitu tidak memadai dalam konteks temu bual dan penyampaian maklumat untuk kefahaman khalayak. Sebaliknya dalam MKTT2 (3) TU menegaskan persetujuan beliau dengan mengulang frasa “ye” berjumlah empat kali kepada pernyataan yang bersifat pertanyaan bermaksud meminta kepastian oleh moderator. Hal yang sama berlaku dalam MKTT2 (4) apabila TU hanya menyatakan “*very sensitive*” tanpa menjelaskan situasi yang dirujuk sebagai sangat sensitif tersebut. Sebaliknya TU terus menyatakan situasi yang dirujuk itu sangat menyedihkan. Persoalan tentu sahaja berbangkit dalam minda khalayak penonton tentang perkara yang ternyata sukar untuk dinyatakan oleh TU dalam responsnya kepada soalan moderator. MKTT2 (3) memperlihatkan respons yang ringkas kerana jawapan TU untuk perkara ini terdapat dalam jawapan dialog yang sebelumnya, iaitu TU menyatakan tentang masalah yang berlaku selepas kemenangan PH dalam PRU14, tentang masalah yang dihadapi apabila mengetahui situasi sebenar yang berlaku dalam ekonomi negara, pengurusan tertinggi negara, dokumen sulit dan sebagainya. Jawapan TU dengan frasa “ye” tersebut diperoleh dari implikatur jawapan secara lewah pada soalan moderator sebelum ini, iaitu tentang jangkaan pencapaian seratus hari PH memerintah negara. Dalam hal ini ternyata moderator menghubungkan jawapan TU tersebut dengan soalan baharu yang berimplikasi TU tidak perlu mengulang semula jawapan yang telah diberikan. Dalam kasus ini didapati moderator mengemukakan soalan dengan tujuan untuk mendapatkan kepastian implikatur yang telah diperoleh sebelum ini. Ketidakpatuhan MP ini juga tidak menjejaskan mesej yang ingin disampaikan kerana implikatur telah pun diperoleh dalam jawapan TU sebelum ini. Sementara itu MKTT2 (4) memperlihatkan bahawa TU tidak menjelaskan situasi sensitif dan sedih tersebut kerana memaklumkan sesuatu perkara secara tepat akan menjadikan interlocutor mengeluarkan implikasi yang tidak disengajakan dan tidak diperlukan (Yus, 1999). Kenyataan yang sensitif berkenaan negara kemungkinan menyalahi Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) dan ini tentulah sedia dimaklumi oleh TU.

MKTT3 (5) dan (6) memperlihatkan pernyataan yang diberikan tidak bersifat informatif. MKTT3 (5) memperlihatkan TU hanya menyatakan frasa “semua tidak betul” tanpa menjelaskan perkara yang dirujuk kerana isu yang ditanyakan terlalu luas skopnya dan sukar untuk dijelaskan dalam tempoh rancangan yang singkat. Sementara itu MKTT3 (6) memperlihatkan struktur jawapan TU yang ringkas dan celahan jawapan oleh moderator dengan menggunakan frasa “rosak” bagi memperkukuh jawapan TU dengan frasa “habis”. Jawapan ringkas ini kemudiannya dilanjutkan oleh TU tentang frasa “habis semua rosak” dan persoalan “apa dah jadi?”. TU mengujarkan persoalan ini bertujuan melahirkan rasa tidak puas hati dengan apa yang berlaku sehingga kerosakan yang dirujuk tersebut sukar untuk diuraikan dan TU sendiri tidak faham mengapa situasi yang dirujuk itu berlaku. Ketidakpatuhan ini pada aras permukaan ternyata tidak bersifat informatif tetapi

dalam komunikasi yang berlangsung, interlokutor telah pun berkongsi maklumat secara bersama seperti yang dinyatakan dalam model komunikasi transaksional, iaitu *shared field of experience* (West & Turner, 2010). Di samping itu khalayak ramai juga telah mempunyai pengetahuan umum tentang perkara yang dibicarakan dan dapat menghubungkan maklumat yang diperoleh dengan konteks (Sperber & Wilson, 1995). Sehubungan itu, keberkesanan komunikasi tetap wujud dalam kasus ini.

Sementara itu Jadual 4 memperlihatkan pelanggaran maksim kualiti MKLT2 dalam SR.

Jadual 4  
Pelanggaran maksim kualiti

Bil	Interlokutor	MP	Ujaran
1	Moderator		... perubahan ... dikalangan orang Melayu sendiri, ... orang percaya .... Orang Melayu tak akan berubah, tak banyak berubah la ... di luar bandar ... berlaku tsunami Melayu? Apa pandangan Tun ...?
	TU	MKLT2	... tengok GST. Kata harga hendak turun, mana? Government tipu rakyat. Suka tipu rakyat. Dari UMNO sendiri?
2.	Moderator		... kita tengok waktu tu bongkak. ... ingat mesti menang. ... depa sombong. Sombong sekali. Dari segi adat ... biadap .... Orang Melayu biadap tak boleh terima .... ... over confident. Even MCA biadab....
	TU	MKLT2	...undikan biru tua, jangan undikan orang tua.

MKLT2 merujuk kepada pernyataan yang sensitif, sarkasme dan sebagainya. Dalam kasus SR, interlokutor menggunakan frasa “tipu”, berulang dua kali dalam MKLT2 (1) dan frasa “bongkak”, “sombong” dan “biadap”, dengan kata “sombong” berulang dua kali dan kata “biadap” berulang tiga kali dalam MKLT2 (2). Kesemua frasa ini ternyata sensitif dalam konteks siaran di televisyen apatah lagi ia ditonton oleh khalayak ramai. Dari aspek kesantunan Melayu pula, frasa seperti ini tidak sesuai digunakan kerana budaya Melayu menekankan penggunaan bahasa berlapik (Omar, 2007). Walau bagaimanapun, sebaliknya dalam Islam, menyatakan yang benar, bersih daripada kedustaan dan kebatilan itu merupakan sesuatu yang dituntut (Al-Quran, al-Ahzab 30:70). Dalam kasus ini TU telah menyatakan sesuatu yang benar (jujur) berdasarkan bukti misalnya tentang *goods and services tax* (GST), sikap bongkak yang dimiliki oleh individu yang dirujuk atas keyakinan akan memenangi PRU14, sikap biadap terhadap mantan Perdana Menteri keempat Malaysia, iaitu Tun Dr.Mahathir. Dalam hal ini TU telah melakukan pemilihan perkataan yang tepat dan sesuai dalam konteks penyampaian mesejnya. Tidak terdapat kata lain yang tepat bagi menggantikan “bongkak” dan “sombong” dalam konteks kasus, sama keadaannya bagi “tipu” yang bermaksud muslihat bertujuan menyesatkan orang (Teuku, 2015) berbanding dengan “bohong” yang bermaksud umum, iaitu pernyataan yang berlainan daripada yang sebenarnya (Teuku, 2015).

*Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”*

Penggunaan “biadap” pula didapati lebih formal dalam konteks kasus di samping struktur katanya yang lebih ekonomi berbanding dengan “kurang ajar”. Sehubungan itu, walaupun dalam budaya Melayu, telah berlaku ancaman muka kepada pihak yang dirujuk oleh TU dan kemungkinan wujudnya tanggapan khalayak ramai bahawa TU beremosi semasa membicarakan perkara ini, kebenaran kenyataan ini tidak dapat dinafikan. Situasi yang dinyatakan ini telah menyebabkan berlakunya perubahan pimpinan kerajaan dalam PRU14. Keberkesanan komunikasi TU dalam kasus ini disokong dengan penyataannya berkaitan dengan adat, budaya Melayu dan Islam. Selanjutnya Jadual 5 memaparkan pelanggaran maksim hubungan, MHUB3.

Jadual 5  
*Pelanggaran maksim hubungan*

<b>Bil</b>	<b>Interlokutor</b>	<b>MP</b>	<b>Ujaran</b>
<b>1</b>	Moderator		Tun nampaknya ...ramalan ... tiga pilihanraya .... ... ramalan hampir tepat. ... yang membezakan 2018 dengan ... yang lain.
	TU Moderator	MHUB3	Ø Dari UMNO sendiri? Dari UMNO sendiri. Dia punya <i>Think Tank</i> ... menasihatkan bekas perdana Menteri, ... akan kalah ni. .... Sebabnya banyak. Jadi memang itu saya kata bezanya itu saja.
<b>2</b>	Moderator		.... ... mandat yang diberikan kepada CEP ini, Tun?
	TU	MHUB3	Ø

Kedua-dua MHUB3 (1) dan MHUB3 (2) memperlihatkan TU tidak menjawab soalan yang diberikan oleh moderator, iaitu dalam MHUB3 (1) tentang ramalan TU dalam PRU 2018. Sebaliknya TU menjawab secara ringkas perbezaan ramalan TU pada tahun 2018 dalam soalan moderator yang berikutnya. TU didapati tidak menjawab soalan yang dikemukakan kerana soalan oleh moderator dibahagikan kepada dua, iaitu yang pertama, perbezaan PRU 2018 dan kedua, keyakinan TU bahawa Barisan Nasional (BN) akan kalah. TU didapati lebih teruja membincangkan keyakinannya tentang kekalahan BN (rujuk analisis MKTT1 (1)) dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa soalan bahagian pertama tidak begitu signifikan bagi TU kerana penjelasan lewah tentang keyakinan TU akan kekalahan BN sudah memberikan implikatur akan perbezaan yang berlaku dalam PRU 2018. Kasus ini selari dengan pernyataan Levinson (1983) tentang implikatur perbualan khusus yang berkaitan dengan konteks khusus ujaran semasa melakukan inferen, iaitu berkaitan penutur, pendengar, konteks ujaran dalam menyampaikan mesej. TU dalam konteks ini merupakan individu kepercayaan pemerintah dahulu dan kini, ahli perniagaan, mantan menteri kewangan 1984-1991 dan mantan peguam. Hal ini dapat dilihat dalam MKHUB3 (2), iaitu walaupun TU tidak menjawab soalan tentang mandat CEP, pengetahuan tentang latar belakang TU sudah memberikan implikatur peranan CEP yang dipengeruskannya. Sehubungan itu tidak timbul isu komunikasi yang gagal.

*Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”*

Paparan Jadual 6 pula memperlihatkan pelanggaran maksim cara yang berlaku. Pelanggaran maksim ini melibatkan ketiga-tiga perinciannya.

Jadual 6  
Pelanggaran maksim cara

Bil	Interlokutor	MP	Ujaran
1	Moderator		... kuasa pada satu orang, ... selalu berlaku dalam kerajaan... orang tertinggi membuat keputusan mutlak ... yang lain ... akur pada arahan.
	TU	MCR1	... kepimpinan ... ada integrity ... <i>high moral value</i> , ... ingat ... dipilih rakyat ... tanggungjawab .... ... tengok sekarang, di rumah, berbillion-billion, bermillion-million, cash. ... bila dia tengok kepala buat hat ni, yang bawah semua turun la. ... 48 <i>million</i> , ... tak dengar cerita betul, kalau dengar... lagi marah. ... malangnya orang Melayu, orang Islam. .... Mana ... pelajaran tentang Islam? ... <i>moral value</i> ? ... <i>moral value</i> mana? .... Dah serius.
2.	Moderator		... skandal ... pada negara... 1MDB. ... mengatakan ... tak berlaku ... khayalan. ... Apa Tun rasa ... ?
	TU	MCR1	Jho Low kata dia tak terlibat. ... kita ada keterangan... bukti. ... mereka yang terlibat sanggup jadi saksi.... kita dapat bukti.... ... tak usah tipulah. ... kontrak apabila <i>bilateral</i> ... <i>a bit sensitive</i> . ... <i>investment</i> kena jaga. ... <i>ambassador</i> jumpa saya .... Saya kata tak apa, kita kawan. ... kita perbetulkan yang silap. .... ... kenapa duit simpan di <i>Cayman Island</i> ... semua diam .... Jho ... mastermind. ... . Dia <i>link</i> bukan main. <i>This is real international</i> . Satu dunia tahu. ... dengar CNN, BBC, even <i>Chinese news</i> ... Afrika pun tahu. Cuma di Malaysia saja tak tahu. .... Akhirnya orang tahu juga. Apa guna tipu. .... ... rakyat berani ... tahniah, rakyat berani. Tanpa rakyat, ... kita menderita. ... Jho <i>provoke</i> , dia nak bercakap dengan saya, saya tak mahu .... Dia kata dia boleh tolong.
3	Moderator		CEP ini Tun, telah memanggil pimpinan GLC, syarikat-syarikat .... ... Tun berikan gambaran jumlahnya ataupun begitu ramai sekali ....
	TU	MCR2	Memang ramai, kerana kita nak tahu keadaan. .... Dia suka sekali nak datang bagitahu. ... kata bebas datang kepada kita .... Kita buat analisislah. Buat <i>feedback</i> . Tiap-tiap minggu, saya mesti tulis balik kepada Tun. Minggu ni, ini saya berjumpa itu, ini, ....
4	Moderator		.... ... bahawa 1MDB ni dah macam kata orang 1MDB? .... Selepas ini apa nak berlaku?

Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”

	TU	MCR2	... ambil tindakan. ... pasal fail ditutup. ... kita mula balik. MAC kata baru siap 60 peratus. ... kita mesti ada MLE. ... si bekas AG tak mahu. ... money trail sudah cukup. ... siapa dapat siapa tak dapat ... depa tak boleh lari.
5	Moderator		Adakah Tun nampak ... larinya sokongan daripada masyarakat Melayu ni terhadap UMNO atau Barisan Nasional pada masa itu? ... jelas ataupun rasa sedikit sahaja?
	TU	MCR3	Dia begini ... Kita tak perlu banyak. ... tsunami semua. Lima hingga 10 percent cukup. ... 50 percent susah. <i>We must play on the psycology</i> . ... Kalau kita lihat undi Melayu sekarang masih dengan UMNO dan PAS. Tapi tak perlu ramai nak <i>swing</i> . ... Kita buat analisa. Saya kata tak perlu. Jawapannya, tak perlu saya kata. ... di mana kelemahannya?
6	Moderator		Kelemahan? Semua, daripada kewangan, <i>management</i> semualah. ... ramai yang letak jawatan, itu ini semuanya. .... ... laporan kepada PM ... kita kaji Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), ... tengok Lembaga Tabung Haji (LTAT), ... kita tengok macam FELDA, kita tengok dengan MARA, kita tengok dengan apa lagi. Sebut je la yang kita panggil semua. ....

MCR1 (1) dan (2) memperlihatkan pernyataan TU yang lewah dengan maksud memperbesar-besarkan sesuatu yang diperkatakan bagi tujuan menonjolkan sesuatu dengan jelas. Dalam MCR (1), TU membuat pernyataan tentang “integriti pimpinan teratas”, “*high moral value*”, “teladan”, “orang Melayu” dan “agama Islam” kerana isu yang diperkatakan adalah tentang mantan Perdana Menteri. Implikatur kepada pernyataan TU jelas mengaitkan sifat yang diperkatakan sebagai perbuatan orang munafik yang dinyatakan dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim tentang tanda-tanda orang munafik, iaitu pertamanya, apabila dia berbicara dia dusta; kedua, apabila dia berjanji tidak ditepati dan ketiga, apabila diberi amanah dia khianati (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019). Sementara dalam MCR1 (2), TU memperkatakan tentang “isu *1Malaysia Development Berhad (1MDB)*”, “dalang”, “kesan kepada negara”, “Pulau Cayman”, “maklumat tidak diketahui dalam negara tetapi menjadi intipati berita di luar negara” dan “peralihan kuasa apabila PRU14, Malaysia di bawah kerajaan baharu”. Pernyataan yang lewah ini tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi sebaliknya, maklumat seperti ini sememangnya amat digemari oleh wartawan dan khalayak penonton (Fadhly, 2012; Zahid, 2018) yang mungkin sebelum ini hanya membaca dan mendengar berita dari media sosial yang kesahihannya tidak dapat dipastikan. Sehubungan itu, sumber pernyataan daripada tokoh yang ada wibawa dan dipercayai kesahihan maklumatnya telah menjadi berita utama di akhbar Berita Harian Online, 6 September 2018 dengan kapsyen “Daim dedah rahsia PH tewaskan BN” (Rohman, 2018) pada keesokan harinya.

*Ketidakpatuhan Maksim Perbualan dan Komunikasi Berkesan dalam “Soal Rakyat”*

MCR2 (3) dan (4) pula berhubungan dengan kekaburan pernyataan TU dalam jawapan yang diberikan. Kekaburan maklumat ditemui dalam MCR2 (3) apabila TU menyatakan jumlah individu atau pihak yang ditemui itu ramai. Dalam konteks ini logik kepada jawapan TU ini dapat diterima kerana apabila peralihan kuasa berlaku, pengumpulan maklumat diperoleh dari banyak sumber sama ada mereka ini dipanggil ataupun datang secara sukarela sebagaimana yang dinyatakan dalam jawapan TU. TU tidak mungkin dapat memberikan jumlah yang tepat kerana tugas mencatatkan berapa ramai yang datang menemui CEP tidak dilakukan oleh TU. Pernyataan kabur seperti ini tidak sama sekali menjejaskan keberkesanan komunikasi yang berlangsung. Maklumat yang disampaikan masih dapat difahami. Penggunaan jargon bidang perundangan ditemui dalam MCR2 (4) apabila TU menggunakan bentuk akronim bahasa Inggeris bagi merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM, TU menggunakan akronim bahasa Inggeris, MAC, sepatutnya MACC), *Mutual Legal Exchange* (MLE) dan Peguam Negara (AG). Bagi sesetengah khalayak ramai, kemungkinan akronim MAC, MLE dan AG yang masing-masingnya merujuk kepada SPRM, pertukaran maklumat perundangan dan Peguam Negara tidak diketahui walau bagaimanapun seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini tentang konteks khusus dan khalayak sasaran khusus yang mencakupi aspek kedwibahasaan, kefahaman konteks dan pengetahuan perkembangan berita semasa telah menyebabkan pernyataan ini tidak menjejaskan komunikasi yang berlangsung (Zahid, 2018; Yaqin & Shanmuganathan, 2018; Levinson, 1983; Msuya & Massanga, 2017).

Terakhir MCR3 (5) dan (6) memperlihatkan pernyataan TU yang tidak tersusun semasa berkomunikasi. Dalam analisis ini ditemui TU tidak secara tertib memberikan pernyataan jawapan sebaliknya mengambil tindakan menjelaskan apa yang berlaku dan kemudian baharulah secara spesifik menjawab soalan yang dikemukakan. Ini dapat dilihat dalam MCR3 (5). TU dalam konteks ini seharusnya menjawab soalan moderator dengan frasa “ya/tidak” walau bagaimanapun ini tidak berlaku. TU dalam konteks ini didapati telah menjawab soalan moderator tetapi dari aspek susunan jawapannya tidak teratur kerana TU menyediakan senario dan kemudian baharulah diikuti dengan jawapan yang dikehendaki. Dalam MCR3 (5), TU memulakan jawapan dengan ujaran “Dia begini” bagi menjawab soalan moderator tentang sokongan yang diterima oleh PH semasa menjelang PRU14. Soalan tersebut bertanyakan tentang larinya sokongan masyarakat Melayu terhadap UMNO atau BN. Pada akhir pernyataannya baharulah TU menyatakan jawapannya bahawa “... tak perlu saya kata”. MCR3 (6) pula memperlihatkan sekali lagi TU tidak terus menjawab soalan yang dikemukakan tetapi secara umum menyatakan sememangnya ada kelemahan dan jumlahnya banyak. Setelah mengemukakan ujaran tersebut baharulah TU secara sistematik menyebutkan beberapa institusi yang dirujuk, iaitu KWAP, LTAT, *Federal Land Development Authority* (FELDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Walaupun didapati jawapan yang diberikan tidak mematuhi MP, khalayak masih lagi dapat memahami mesej dan mengetahui bahawa TU akhirnya telah menjawab soalan yang dikemukakan. Situasi yang berlaku, jawapan yang diberikan didapati tidak menurut susunan, iaitu TU tidak terus menjawab soalan sebaliknya mengambil strategi menerangkan situasi. Komunikasi TU ini dilabelkan sebagai komunikasi ostensif-inferensial (*ostensive-inferential communication*) yang



berkaitan dengan niat memberitahu maklumat kepada khalayak ramai dan stimulus ostensif pula bertujuan menarik perhatian khalayak ramai serta memberi perhatian kepada makna komunikasi dan seterusnya mencapai kerelevanan optimal (Sperber & Wilson, 1995). Sehubungan itu, kasus ini juga tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi yang berlangsung.

Keseluruhan analisis telah memperlihatkan tujuan ketidakpatuhan berlaku adalah disebabkan oleh hasrat TU memberikan penjelasan yang lengkap, membuat penegasan, menyampaikan maklumat yang benar dan melahirkan rasa marah atau tidak puas hati dengan beberapa isu yang berlaku. Ketidakpatuhan ini didapati tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi kerana MP yang mempunyai implikatur dapat ditafsirkan oleh khalayak ramai berdasarkan faktor yang berikut; pertama, khalayak ramai (sasaran) mempunyai latar belakang pengetahuan yang sama atau maklumat pengetahuan yang hampir sama; kedua, isu yang diperkatakan merupakan isu semasa; ketiga, budaya hidup yang berkaitan kepercayaan dan adat; keempat, konteks komunikasi temu bual yang terhad dan mementingkan kepadatan maklumat dan kelima, individu yang dirujuk, mempunyai wibawa dalam isu yang diperkatakan.

### **Kesimpulan**

Analisis yang dilakukan telah menemukan ketidakpatuhan keempat-empat MP oleh TU dengan kecenderungan yang tinggi diperlihatkan oleh MPKTT dan MPCR. Ketidakpatuhan ini didapati tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi yang berlangsung kerana implikatur ujaran telah diperoleh oleh khalayak ramai melalui lima faktor, iaitu latar belakang khalayak ramai, isu semasa, budaya, konteks komunikasi dan wibawa interlokutor. Tujuan berlakunya ketidakpatuhan ini disebabkan oleh pemberian penjelasan, penegasan maklumat, sikap berkata benar dan melahirkan emosi marah dan tidak puas hati TU. Dapatan analisis ini juga memaparkan ketidakpatuhan MP dari perspektif Melayu dan sekali gus menolak pendapat Grundy (2008) bahawa aplikasi teori Grice bertujuan mencapai komunikasi berkesan dan mengelakkan salah faham. Walaupun analisis yang dilakukan hanya terhad kepada aspek verbal korpus, dapatan yang diperoleh telah memberikan gambaran sebenar ketidakpatuhan yang berlaku dalam komunikasi, khususnya lisan. Sehubungan dengan itu, pada masa hadapan kajian lanjut boleh dilakukan dengan mengambil kira aspek nonverbal ujaran yang mempengaruhi komunikasi yang berlangsung.

### **Penghargaan**

Terima kasih kepada Nur Habibah Binti Ahmad Suhimi pelajar Jabatan Bahasa Melayu yang telah melakukan transkripsi data ujaran SR.

### Rujukan

- Al-Quran, al-Ahzab 33:70. Retrieved October 3, 2019, from [www:Quranonline.net](http://www.Quranonline.net)
- Omar, A. H. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Saedi, H. T. J. (2013). *A pragmatic study of the cooperative principle and Grice's maxims in Lois Lowry's the giver* (Unpublished Master of Arts Thesis), Southern Illinois University, Carbondale, Illinois, United States.
- Ayasreh, A. M., & Razali, R. (2018). The fouting of Grice's conversational maxim: examples from Bashar Al-Assad's interview during the Arab spring. *Journal of Humanities and Social Science*, 23(5), 43-47.
- Ayasreh, A. M., Nada, A. S., Awwad, A. S., Mansoor, M., & Razali, R. (2019). Instances of violation and flouting of the maxim by Gaddafi interview during the Arab spring. *International Journal of English and Education*, 8(1), 185-193.
- Bilal, H. A., & Naeem, S. (2013). Probing into the dialogue of the president of Pakistan: application of Grice's maxims. *International Journal of Linguistics*, 5(4), 1-8.
- Brown, K., & Miller, J. 2013. *The Cambridge dictionary of linguistics*. New York, UK: Cambridge University Press.
- Buddharat, C., Ambele, E. A., & Boonsuk, Y. (2017). Uncooperativeness in political discourse: Violating Gricean maxims in presidential debates in 2016. *Songklanakarin Journal of Social Sciences and Humanities*, 23(3), 179-216.
- Danesi, M. (2012). *Popular culture: Introductory perspectives*. Plymouth, UK: Rowman & Littlefield Publishers.
- Darighgoftar, S., & Ghaffari, F. (2012). Different homeopathic characters violate cooperative principles differently. *International Journal of Linguistics*, 4, 266-280.
- Davies, B. L. (2007). Grice's cooperative principle: Meaning and rationality. *Journal of Pragmatics*, 39, 2308-2331.
- Fadhly, F. Z. (2012). Flouts of the cooperative principle maxims in SBY's presidential interviews. *English Review: Journal of English Education*, 1(1), 57-70.
- Grice. P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics* (vol 3., pp. 41-58). New York, NY: Academic Press.
- Grundy, P. (2008). *Doing pragmatics*. London, England: Hodder Education.
- Jaafar, T. S. J., & Mohd Janor, M. K. (2018, September 6). *Soal Rakyat: Episod 8, Tun Daim Zainuddin*. [Video file]. Retrieved from: <https://www.youtube.com/watch?v=MB6ltwwljJE>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019). Retrieved from <http://www.islam.gov.my/e-hadith/915-sifat-orang-munafik>
- Kheirabadi, R., & Aghagolzadeh, F. (2012). Grice's cooperative maxims as linguistic criteria for news selectivity. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(3), 547-553.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.

- Lumsden, D. (2008). Kinds of conversational cooperation. *Journal of Pragmatics*, 40, 1896-1908.
- Majeed, S. H., & Abdulla, L. A. (2018). Non-observance of conversational maxims in the exchanges of Department Press Briefings. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 23(6), 67-86.
- Msuya, E. A., & Massanga, M. (2017). The observance of Gricean conversational maxims by Tanzanian politicians in T.V. hosted interviews. *English Literature and Language Review*, 3(9), 82-90.
- Nieto Álvaro, R. (2011). *The role of conversational maxims, implicature and presupposition in the creation of humor: An analysis of Woody Allen's anything else*. (Unpublished Master's Dissertation), University of Central Missouri, Missouri, United States.
- Okanda, M., Asada, K., Moriguchi, Y., & Itakura, S. (2015). Understanding violations of Gricean maxims in preschoolers and adults. *Frontiers in Psychology*. 6, 1-7.
- Prabavathi, R., & Nagasubramani, P. C. (2018). Effective oral and written communication. *Journal of Applied and Advanced Research*, 3(Suppl.1), 29-32.
- Putri, W. (2011). *An analysis of implicature as found in transcript of interview between Barack Obama and Hisyam Melhem from Al Arabiya TV*. (Unpublished Master's Dissertation), Universiti Andalas, Indonesia.
- Rohman, M. A. P. (2018, September 6). Daim dedah rahsia PH tewaskan BN. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/470372/daim-dedah-rahsia-ph-tewaskan-bn>
- Seftika. (2015). Flouts of the maxims in interview between Barrack Obama and Robin Roberts of ABC News "Good Morning America". *Jurnal SMART*, 1(1), 1-9.
- Simons, M. (2017). Local pragmatics in a Gricean framework, *Inquiry*, 60(5), 466-492.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2<sup>nd</sup> ed.). Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Teuku, I. (2015). *Kamus Dewan* (4<sup>th</sup> ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- West, R., & Turner, L. H. (2010) *Introducing communication theory: Analysis and application*. New York, NY: McGraw-Hill Higher Education.
- Yaqin, L. N., & Shanmuganathan, T. (2018). The non-observance of Grice's maxims in Sasak. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 24(2), 166-180.
- Yus, F. (1999). Misunderstandings and explicit/implicit communication. *Pragmatics*, 9(4), 487-517.
- Zahid, I. (2018). Analisis maksim perbualan Grice dalam Soal Jawab TV3. *Issues in Language Studies*, 7(2), 16-35.